

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA,
PENGKAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]

TARIKH SOALAN : 5 DISEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 34

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan pencapaian sasaran membangunkan sebuah negara usahawan sebagaimana pembentangan Bajet 2019 yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah memperuntukkan empat (4) strategi belanjawan melalui **Fokus Ketiga : Memupuk Budaya Negara Keusahawanan** seperti yang telah dibentangkan dalam Belanjawan 2019 pada 11 Oktober 2018. Belanjawan 2019 adalah bersifat inklusif untuk mengimbangi keutamaan pembangunan ekonomi untuk menambah baik kesejahteraan sosioekonomi rakyat.
2. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah mengambil langkah proaktif dengan melancarkan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 pada 11 Julai 2019. DKN 2030 menggariskan enam (6) Teras Strategik yang disokong oleh 19 Strategi dan 63 Inisiatif sebagai tunjang mekanisma pelaksanaan dasar ini untuk mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Keusahawanan menjelang 2030.
3. **Strategi 9 : Mencetuskan Kuasa Ekonomi Baharu, Belanjawan 2019** menggariskan inisiatif dalam memupuk ekonomi digital melalui pemberian dana pelaburan, dana modal teroka yang diurus oleh agensi Kerajaan dan geran padanan. Antara program yang telah dilaksanakan adalah:
 - a. Program *Business Accelerator* (BAP) oleh SME Corp Malaysia bagi memenuhi keperluan PKS untuk menggunakan teknologi Industri 4.0. Antara elemen pembiayaan yang layak dipertimbangkan adalah pembelian lesen perisian, pembelian perisian dan peralatan dan automasi mesin serta robotik yang berkaitan. Insentif ini berbentuk geran bersamaan 50% sehingga RM400,000. Di bawah skim ini, PKS juga boleh mendapat bantuan pinjaman mudah sehingga RM1 juta pada kadar faedah 4% dengan margin pembiayaan sehingga 90% dan tempoh pembayaran sehingga 10 tahun; dan

NO. SOALAN: 34

- b. Program *Women Netpreneur* dilaksanakan oleh SME Corp dengan kerjasama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Gorgeous Geeks (badan NGO) dan enam penyedia platform e-dagang iaitu *Shopee*, *11street*, *Lelong*, *Facebook*, *Buy Malaysia* (MPay) dan *Global Halal Data Pool*. Siri latihan digital komprehensif ini merangkumi pengenalan kepada teknologi dan platform eCommerce yang terdapat di pasaran, latihan praktikal bagi penyediaan platform e-dagang dan teknik menjual secara atas talian.
4. Salah satu inisiatif dalam **Strategi 10 : Merebut Peluang Dalam Menghadapi Cabaran Global, Belanjawan 2019** adalah mengukuhkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Melalui strategi ini, Kerajaan telah mengurangkan kadar cukai syarikat kecil daripada 18% kepada 17% ke atas pendapatan kena cukai bagi RM500,000 yang pertama mulai tahun taksiran 2019 sebagai sokongan bagi meningkatkan dan merangsang pembentukan modal domestik dalam kalangan PKS melalui medium cukai dan bukan cukai.
5. Di samping itu, Kerajaan telah memperuntukkan pembiayaan kepada PKS Bumiputera dan juga usahawan kecil. Sebagai contoh, TEKUN Nasional adalah agensi yang bertanggungjawab untuk menyalurkan pembiayaan kepada usahawan kecil seperti golongan OKU, B40, siswazah, profesional dan masyarakat India. Sehingga bulan Oktober, TEKUN Nasional telah menyalurkan RM346.36juta kepada 23,923 usahawan.
6. Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) anjuran SME Corp. pula merupakan program untuk membanu PKS menerokai potensi pasaran antarabangsa terutamanya di kalangan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). Bantuan kewangan bersepadu diberikan dalam bentuk geran bersamaan (*matching grant*) disediakan oleh SME Corp. dan pinjaman mudah dari Majlis Amanah Rakyat (MARA). Sejak Julai 2018, sebanyak 25 syarikat Bumiputera telah diluluskan teran bersamaan (*matching grant*) berjumlah RM2.7 juta.

7. Salah satu inisiatif dalam **Strategi 11 : Mendefinisi Semula Peranan Kerajaan dalam Perniagaan, Belanjawan 2019** adalah menyarankan kerjasama saling melengkapi antara Kerajaan dan sektor swasta dari segi kepakaran, perkhidmatan dan pelaksanaan serta sumbangan dari segi kapasiti, sumber dan infrastruktur sedia ada. Program *Demand-Driven Innovation Project* oleh Jaringan Penyelidikan Awam Swasta (PPRN) menyediakan penyelesaian saintifik dan berteknologi bagi masalah yang dihadapi oleh usahawan dan industri. PPRN telah berjaya menarik minat 549 buah perusahaan untuk berdaftar dan 304 projek berjaya dipadankan.

8. **Strategi 12 : Memastikan Pertumbuhan Ekonomi yang Saksama Dan Mampan dalam Belanjawan 2019** juga sejajar dengan matlamat DKN 2030 untuk merangsang pembangunan keusahawanan bersepadu dan holistik. Kerajaan sentiasa menggalakkan penglibatan rakyat termasuklah golongan B40, OKU, orang Asli/ Asal, wanita, belia dan bumiputera. Antara program yang telah berjaya dicapai ialah pemerksaan gerakan koperasi di kalangan B40 dan masyarakat luar bandar serta pemantapan perusahaan sosial melalui program seperti Pemangkin Usahawan Hebat (PUSH) oleh MaGIC dan Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) oleh MED.

Sekian, terima kasih.
